

Cabaran Wanita Bekerjaya dalam Pembentukan Keluarga Hadhari

Nurhidayah Muhd Hashim
Syarifah Zahrah Syed Mohamad

Abstrak

Wanita dan keluarga adalah saling berkait dan mempunyai hubungan yang sangat erat. Kedudukan sebagai isteri dan ibu sangat besar peranannya dan menuntut pengorbanan yang tinggi apatah lagi sekiranya wanita tersebut bekerja. Bancian menunjukkan kaum wanita yang bekerja dalam pelbagai sektor profesional bertambah iaitu sebanyak 12.7% pada tahun 1995 kepada 13.5% pada tahun 2000 (Laporan Bancian Tahun 2000) Kertas kerja ini cuba untuk melihat apakah cabaran yang dihadapi oleh wanita bekerjaya berdasarkan satu kajian yang dibuat ke atas kaum wanita di Lembah Klang. Langkah-langkah ke arah meningkatkan keperkasaan diri untuk mendepani semua permasalahan yang dihadapi akan turut diketengahkan. Ini sangat penting kerana dengan kekuatan menguruskan segala cabaran, maka matlamat untuk membentuk keluarga dan anak-anak yang cemerlang akan tercapai. Ia juga akan turut menjadi pemangkin kepada pembinaan masyarakat hadhari yang bercirikan kehidupan berkualiti dan mempunyai keutuhan jati diri serta moral yang tinggi sepertimana dikehendaki oleh pihak kerajaan.

Pengenalan

Keluarga adalah institusi sosial yang utama dan paling asas dalam membentuk individu menjadi ahli masyarakat. Seseorang insan terbentuk hasil dari apa yang diterapkan oleh kedua ibu bapanya. Kata-kata hikmah seperti 'Tangan yang menghayun buaian boleh menggoncang dunia' dan 'Ibu itu adalah sekolah' menunjukkan betapa besarnya peranan dan pengaruh seorang wanita sebagai ibu dan juga isteri dalam membentuk keluarga dan anak-anak. Ini kerana nilai yang pertama diterima oleh

seseorang insan adalah berdasarkan yang diperolehnya hasil didikan keluarganya terutama ibu yang mengasuhnya. Baik asuhan yang diterima maka baiklah hasilnya dan begitulah sebaliknya.

Pembentukan Keluarga Hadhari

Matlamat terakhir dari usaha pembentukan keluarga adalah untuk membina keluarga yang berkualiti yang menepati ciri-ciri yang dikehendaki oleh agama. Allah menyatakan dalam surah al-Hujurat 49: 13 mafhumnya:

“Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah yang paling bertakwa di antara kamu.”

Islam melihat tingkat takwa merupakan tingkat yang paling atas sekali dan mereka yang mencapainya lah dapat merangkul tingkat kualiti yang sebenarnya. (Zakiah Omar 1995: 5-6) Oleh itu, sesebuah keluarga yang hadhari boleh diertikan apabila ahlinya dapat mencapai tingkat takwa seperti mana yang dinyatakan dalam ayat tersebut. Dengan takwa, seseorang akan berusaha bersungguh-sungguh untuk menjayakan kehidupan di dunia seoptima mungkin dan pada masa yang sama menjaga segala peraturan Allah serta berusaha pula mencari keredhaan Allah untuk menjayakan kehidupan akhiratnya. Kehidupan yang tersusun dan terarah dengan objektif yang jelas akan memastikan setiap individu mencapai kecemerlangan dalam kehidupan ini.

Peranan Wanita dalam Membangun Keluarga Hadhari

Wanita memegang peranan yang besar dalam sesebuah keluarga dan masyarakat. Beliau adalah seorang isteri, ibu, ahli masyarakat, pekerja kepada majikannya, anak kepada kedua ibu bapanya dan yang paling penting adalah seorang hamba kepada Tuhannya. Kata-kata pujangga, ‘Wanita itu tiang negara. Baik wanita baiklah negara, rosak wanita rosaklah negara’ membawa maksud yang besar tentang kedudukan peranan seorang wanita.

Sebagai hamba Allah, wanita perlu mempunyai ilmu asas seperti ilmu akidah, ibadah, akhlak, tajwid dan lain-lain. Manakala sebagai khalifah, wanita perlu mempunyai ilmu alat untuk menjayakan urusan pentadbiran alam ini dan mentadbir semua pihak yang berada di bawah tanggungjawabnya.

Manakala sebagai isteri, beliau merupakan teman rapat, penyokong, penasihat, perawat, pengurus dan juga pembantu suami dalam banyak aspek sehingga terdapat kata pepatah bahawa, 'Di sebalik kejayaan seorang lelaki, pasti ada wanita di belakangnya'. Oleh itu, seorang isteri yang solehah berperanan sebagai tulang belakang dan pembantu yang menyokong suami dalam semua perkara dan keadaan yang diharuskan oleh syarak.

Pada masa yang sama, wanita sebagai ibu berperanan untuk mengasuh, mendidik dan menanam nilai-nilai Islam dan juga nilai-nilai murni semenjak anak masih kecil lagi. Islam sangat memandangkan berat dan menuntut ibu bapa untuk mencorakkan kehidupan anak-anak dengan sewajarnya di mana Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud:

“Setiap anak dilahirkan atas fitrah (kesucian agama yang sesuai dengan naluri), sehingga lancar lidahnya, maka kedua orang tuanya yang menjadikan dia beragama Yahudi, Nasrani dan Majusi.”

(Riwayat Ṭabrāni dan Bayhaqī)

Peranan sebagai ahli masyarakat juga bukanlah sesuatu perkara yang boleh diambil mudah. Seseorang individu tidak hidup sendirian tetapi memerlukan orang lain bagi menghiasi dan memenuhi tuntutan kehidupan di dunia ini. Dalam membina kecemerlangan keluarga, wanita perlu menjaga kesejahteraan diri dan masyarakat sekeliling kerana apabila baiknya masyarakat, maka akan turut baiklah anak-anak dan keluarga dan begitulah sebaliknya.

Apabila seseorang wanita bekerja, maka beban tugasnya menjadi bertambah berat. Beliau berperanan pula untuk menjalankan tugas dan amanah kerjayanya dengan baik dan cemerlang. Dalam menjayakan tugas ini, wanita kadang-kadang dihipit kesibukan yang melampau yang boleh menyebabkan peranannya yang lain tergugat. Inilah yang perlu ditangani dengan baik agar peranan asasi tidak cacat kerana peranan yang mendatang ini. Kebijaksanaan kaum wanita sangat diperlukan agar keseimbangan dalam menjayakan semua tugas berjaya dilakukan.

Cabaran Membangun Keluarga Hadhari di Era Globalisasi

Zaman mutakhir ini sering dikaitkan dengan era globalisasi dan pemodenan. Segala kemudahan hidup berada di hadapan kita. Dengan bantuan ICT seperti internet, satelit TV, telefon bimbit dan lain-lain, manusia dapat berhubung antara satu sama lain dengan lebih cepat walaupun berada di tempat yang jauh. Maklumat dan informasi berada di hujung jari, membekalkan manusia dengan ilmu pengetahuan yang berbagai jenis bentuknya. Begitu juga peristiwa yang berlaku di negara yang lain dapat diketahui dalam sekelip mata sahaja, seolah-olah dunia telah menjadi semakin dekat, kecil dan tiada sempadan.

Apabila sesuatu yang baru mendatangi kita, ia membawa bersama kesan-kesan dan pengaruh yang tidak dapat ditolak. Banyak perkara yang baik diperolehi melalui berlangsungnya kehidupan sebegini seperti berkembangnya ilmu dan maklumat dan sebagainya, tetapi masa yang sama, banyak perkara negatif yang terpaksa diterima. Wanita perlu mempersiapkan diri agar kesan yang negatif akan dapat dikawal daripada merosakkan anak-anak dan keluarga.

Wanita yang tidak bekerja mempunyai masa yang lebih banyak bersama keluarga dan anak-anak. Perkembangan dan perbuatan anak-anak dapat dikawal selia kerana ia berlaku di hadapan mata ibu. Berlainan dengan wanita yang bekerja, dengan kesibukan bekerja dan keletihan yang dialami, masa dan keupayaan diri untuk melihat dan mengawasi anak menjadi sangat terbatas.

Dalam kajian yang dijalankan ke atas 500 orang wanita yang bekerja di sekitar Lembah Klang, sebanyak 408 responden atau 81.6% yang bekerja selama 9-10 jam sehari. Ini menunjukkan secara umumnya jika dicampurkan dengan waktu perjalanan, seorang wanita yang bekerja akan berada di luar rumah atau meninggalkan rumahnya sekitar 8-12 jam setiap hari. Jumlah masa yang begitu lama dihabiskan di luar rumah akan menyebabkan masa bersama keluarga menjadi sangat sedikit dan terbatas.

Apabila seorang ibu keluar bekerja, beliau berhadapan pula dengan permasalahan kepada siapakah anak-anak akan ditinggalkan sepanjang tempoh tersebut. Kajian menunjukkan daripada 500 responden, 288 daripada mereka atau 57.6% mengaku masih mempunyai anak-anak yang kecil di bawah umur 4 tahun dan masih meneruskan pekerjaan mereka. Sebanyak 24% daripada mereka memilih untuk mengambil

pembantu rumah untuk menjaga anak-anak sepanjang mereka bekerja dan 22% memilih menghantar anak-anak ke taman asuhan kanak-kanak yang berhampiran. Manakala 54% pula memilih jalan lain seperti meninggalkan anak-anak dengan nenek, saudara mara, jiran tetangga ataupun dengan anak-anak lain yang lebih besar. Persoalan yang berbangkit seterusnya apakah pengisian yang diberikan oleh pembantu dan pihak yang menggantikan tempat ibu tersebut?

Permasalahan ini menjadi cabaran dan dilema yang besar bagi ibu-ibu yang bekerjaya. Oleh sebab itu, ada ibu yang memilih untuk berhenti kerja atas alasan menjaga kepentingan anak-anak, ingin melihat tumbesaran anak-anak serta mengawasi perbuatan mereka sepanjang masa.

Cabaran lain yang turut dihadapi oleh wanita bekerja adalah keadaan fizikal dan mental yang sudah penat sekembali daripada kerja. Ini boleh menimbulkan ketegangan dan stress kepada wanita dalam mengimbangi bebanan tugas dan menjayakan peranannya. Apatah lagi sekiranya apabila sampai ke rumah, wanita perlu menyelesaikan urusan rumah tangga yang belum beres seperti menyediakan makan malam untuk keluarga, membasuh baju dan sebagainya. Keadaan fizikal dan psikologinya ketika ini sudah tentu tidak lagi mengizinkannya memberi perhatian yang khusus dan penuh belaian untuk anak-anak dan suaminya. Keletihan sebegini kadang-kadang boleh menyebabkan wanita menjadi cepat panas baran walaupun dengan sedikit kesilapan yang dilakukan oleh ahli keluarga yang lain.

Kerjasama dan sokongan suami dalam menjayakan semua urusan rumah tangga adalah suatu perkara yang sangat diharapkan oleh wanita. Apabila wanita bekerja kembali ke rumah selepas penat seharian di pejabat, bantuan suami seperti menolong menjaga anak, bergilir-gilir memasak, membasuh dan sebagainya akan memberi kelegaan yang besar kepada hati mereka. Kajian menunjukkan bahawa sebanyak 89.6% isteri mengaku bahawa suami mereka ada membantu mereka dalam menguruskan rumah tangga. Peratusan yang baik ini menunjukkan satu pencapaian baru yang sangat memberangsangkan. Penulis berpendapat bahawa kemungkinan telah berlaku perubahan pemikiran (*mindset*) di kalangan para suami dewasa ini terutama yang mempunyai isteri bekerja di mana mereka mungkin telah merendahkan tahap '*expectation*' terhadap isteri dan lebih memahami kesibukan serta keletihan isteri yang bekerja.

Perubahan nilai yang dipegang oleh anak-anak turut menjadi cabaran yang besar dalam membangunkan keluarga. Ia berkait rapat dengan

pengisian yang diperolehi oleh anak-anak. Ibu bapa yang sibuk bekerja dan tidak mengawasi anak-anak tetapi membanjiri mereka dengan wang dan kemewahan akan memberi kesan yang besar kepada perkara ini.

Cara kehidupan hari ini menunjukkan bahawa mempunyai TV, komputer dengan talian internet, 'handset' dan alatan telekomunikasi yang lain telah menjadi barang keperluan sehingga ramai ibu bapa berhempas pulas menyediakan semua kelengkapan ini. Melalui kelengkapan ini, secara tak langsung nilai-nilai yang ada di dalam negara lain akan turut masuk ke dalam rumah kita melalui pelbagai cara seperti laman web yang dilawati, filem yang ditonton dan sebagainya. Dunia menjadi semakin kecil, ahli-ahlinya seolah-olah berada di dalam satu kawasan penempatan yang sama, memegang nilai hidup yang sama dan menjadi perkampungan global tanpa sempadan. Rancangan yang ditonton akan mempengaruhi dan meninggalkan kesan ke atas anak-anak yang masih belum mempunyai nilai teras yang kuat dalam diri mereka. Contoh nilai-nilai asing seperti bergaul bebas, amalan seks bebas, hidup tanpa ikatan, mempunyai anak luar nikah, bertindak ganas, bercakap kasar tidak menghormati orang tua dan sebagainya datang melalui filem-filem cinta, siri komedi, cerita bersiri, perlawanan gusti yang kasar dan merbahaya dan lain-lain lagi.

Budaya hedonisme turut menjadi cabaran yang besar dalam membangun keluarga hadhari dewasa ini. Ia adalah satu bentuk budaya suka berhibur, suka membuat sesuatu yang membawa kepada kegembiraan dan hiburan, tidak berminat kepada perkara yang menyebabkan penggunaan otak untuk berfikir yang serius, menyebabkan boleh berlaku budaya berhibur yang keterlaluan (*entertainment culture*). Prof. Sidek Baba menyebut:

'Anak-anak hari ini mudah terdedah dengan pengaruh Barat, baik menerusi media mahupun gaya hidup yang sedang berkembang dalam masyarakat yang dikatakan maju atau sedang menuju kemajuan. Bila pengaruh kebendaan dan konsumerisme tidak dapat diimbangkan dengan kepentingan nilai dan budaya ianya mudah menghakis jatidiri kita dan anak-anak mudah terjebak dengan pengaruh hedoinisme yang merosakkan itu.'

(Prof. Sidek Baba 2004: 4)

Cadangan Menjayakan Peranan Membangun Keluarga Hadhari

Wanita Perlu Bijak dan Kreatif

Wanita yang bekerja harus berusaha untuk membahagikan masa agar urusan rumah tangga tidak terabai. Seorang pemikir Islam, Syeikh Hassan al Banna menyebut:

“Islam berpandangan wanita mempunyai tugas yang sesuai dengan fitrah semula jadi mereka iaitu di rumah dan bersama anak-anak. Sebagai anak gadis, dia perlu mempersiapkan dirinya untuk memikul tanggungjawab keluarga di masa depan. Sebagai isteri, dia perlu memberikan tumpuannya kepada rumah dan suaminya. Sebagai ibu dia perlu berkhidmat untuk suami dan anak-anaknya. Dia perlu memberikan tumpuan kepada rumahnya. Dia adalah suri rumah dan pengurus rumah tangga. Apakah dengan segala urusan rumah tangga ini, wanita akan ada keluangan masa untuk melakukan perkara-perkara lain? Jika wujud tuntutan masyarakat yang memerlukan wanita melakukan kerja-kerja lain selain tugas semula jadi mereka ini, ketika itu mereka perlu memelihara beberapa syarat-syarat yang ditetapkan oleh Islam...’

(Hassan al Banna 2003: 23)

Wanita Perlu Berusaha Menjaga Etika Diri

Isteri yang bekerja perlu mendapat izin daripada suami dan perlu menjaga maruah diri dengan penuh penghormatan. Persoalan aurat, batas hubungan lelaki perempuan dan sebagainya perlu diambil berat. Jika perkara ini tidak ditangani dengan baik, kesibukan yang keterlaluan akan menggugat perhubungan dan komunikasi suami isteri yang mungkin boleh membawa kepada kehancuran rumah tangga.

Dr Yusuf al-Qaradhawi memberi nasihat yang sangat relevan di mana dia menyebut bahawa:

“bahawa wanita yang bekerja tidak harus terlalu mementingkan kualiti kerjayanya sahaja dengan mengabaikan kualiti keluarga dan anak-anaknya. Malah apabila berlaku pertembungan, wanita dikehendaki mendahulukan suami dan anak-anaknya berbanding

dengan kerjayanya. Ini kerana Islam telah meletakkan garis panduan bahawa menjaga kebajikan dan kebahagiaan suami dan anak-anak adalah teras dan tanggungjawab utama seorang isteri ataupun ibu. Wanita yang lebih banyak menghabiskan masa dan tenaganya untuk pekerjaan luar mungkin menyebabkan dia tidak mampu lagi untuk melaksanakan tugas-tugas asasinya dengan sempurna.”

(Yusuf al-Qaradhawi 1996: 61)

Sentiasa Berusaha Meningkatkan Ilmu dan Kepakaran

Anak-anak yang sedang membesar memerlukan perhatian dan didikan. Kegagalan menjalankan tugas ini dan membiarkan anak membesar tanpa penanaman teras agama akan menyebabkan mereka mencari nilai hidup sendiri. Kesilapan yang mungkin kurang disedari adalah ibu terlalu sibuk sehingga menyerahkan anak kepada orang gaji atau pengasuh sepenuhnya tanpa mengambil kira tentang pengisian keilmuan, spiritual dan keselamatan anak-anak atau membiarkan anak-anak berkawan dengan sesiapa sahaja tanpa mengetahui kedudukan kawan tersebut.

Oleh itu, wanita perlu sentiasa berusaha menambah ilmu dan mencari kepakaran sebagai ibu moden yang beriman untuk menangani urusan anak-anak seperti ilmu keibubapaan (*parenting skill*), ilmu komputer, ilmu psikologi remaja dan sebagainya. Para ibu perlu tahu ilmu komputer dan internet sehingga boleh akses dan memantau laman web yang dilayari oleh anak-anak. Ibu juga perlu mempunyai ilmu keibubapaan yang sesuai dengan perkembangan zaman. Kemungkinan kaedah dan cara pendekatan masa silam sudah tidak begitu relevan dengan zaman ini. Pendekatan dan nasihat yang sesuai perlu diketahui oleh wanita. Teknologi komunikasi boleh dimanfaatkan oleh kaum wanita untuk mendapatkan bahan-bahan yang baik dan sesuai dalam membina keluarganya. Walaupun bahan-bahan daripada internet banyak dibincangkan dari kaca mata Barat tetapi wanita boleh menyesuaikan menurut keperluan keluarga Muslim. Begitu juga wanita boleh menjadi ahli mana-mana e-grup terutama yang berasaskan keislaman untuk berbincang dan bertukar pandangan bersama kaum wanita yang lain sebagai usaha untuk mendapatkan percambahan idea dan pendapat terhadap sesuatu isu yang diperbincangkan. Antara contoh laman web yang boleh dilayari oleh wanita untuk tujuan tersebut adalah <http://parentcenter.com> dan <http://islamic-world.net/parenting>

Memainkan Peranan Sebagai Ahli Masyarakat yang Pro Aktif

Wanita perlu melihat penglibatannya dalam masyarakat adalah suatu yang penting dan signifikan. Mereka perlu peka dengan apa yang berlaku di sekelilingnya dan bersedia untuk menyumbangkan masa dan tenaga untuk kesejahteraan masyarakatnya. Prinsip menjaga tepi kain orang perlu dikupas dan difahami dengan baik. Menegur kesilapan yang dilakukan orang lain adalah satu dakwah, dan ia perlu dilakukan dengan hikmah. Oleh itu apabila wanita melihat sesuatu kesilapan yang dilakukan oleh anak orang lain, maka tegurlah dengan harapan ada orang lain yang akan menegur anaknya jika mereka pula melakukan kesalahan.

Pada masa yang sama, wanita bukan sahaja perlu bersikap re-aktif, tetapi juga pro-aktif untuk sama-sama menyuarakan pandangan, kebimbangan dan keprihatinan terhadap apa-apa isu terutama yang berkait dengan kesejahteraan keluarga dan ummah. Sebagai contoh, sekiranya ada sesuatu rancangan atau iklan agar program yang tidak sesuai dan berlawanan dengan Islam dan moral sejagat yang disiarkan di kaca televisyen, wanita sebagai isteri dan ibu perlu berani menyuarakan pandangan dan mengirim maklum balas ketidakpuasan hati kepada akhbar dan pihak-pihak berkenaan agar sesuatu tindakan dapat diambil.

Kesimpulan

Kepentingan peranan wanita dalam menjayakan peranan membina keluarga turut dibincangkan oleh orang-orang Barat seperti dinukilkan bahawa Napoleon pernah berkata; 'Biarlah negeri Perancis ini memiliki ibu-ibu yang baik, pastinya kita akan memiliki anak-anak muda yang handal'. (Glen Domen 1997: 11) Ini menunjukkan sememangnya wanita sangat memainkan peranan dalam keluarga. Justeru dengan keputusan untuk terus bekerja, seseorang wanita perlulah berusaha lebih keras mengharungi cabaran yang dihadapi demi membina keluarga hadhari yang diimpikan. Walaupun pada zahirnya wanita dikenali sebagai seorang yang lemah lembut, namun di sebalik kelembutan itu mereka seharusnya mempunyai jiwa, semangat yang kental, ilmu dan kemahiran yang sesuai dengan zaman kerana terlalu banyak peranan dan tanggungjawab yang perlu disempurnakan. Bertepatan dengan hasrat kerajaan untuk membina masyarakat Hadhari, maka wanita juga tidak harus tertinggal ke belakang tetapi hendaklah sentiasa berusaha untuk bergerak ke depan mengisi peranannya dengan lebih berkesan.

Bibliografi

al-Ati, Hammudah Abd. (1977). *The Family Structure in Islam*. Indiana, USA.

Al-Hadith

al-Hashimi, Muhammad Ali (1996). *Sakhsiyah al Mar'ah al Muslimah*. Beirut: Dar al-Basyair al-Islamiyah.

al-Qaradhwawi, Yusuf (1996). *Markaz al-Mar'ah fi al-Hayah al-Islamiyah*. Kaheerah.

Al-Qur'an

Aishah Hassan (1988). *Pendekatan Islam Terhadap Pendidikan Anak-anak*. Bhg. 2, Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

Amer al-Roubaie (2002). *Globalization and The Muslim World*. Shah Alam. Selangor

Azma Abd Hamid (2004). *Perkara-perkara Yang Perlu Difikirkan Sebelum Membuat Keputusan Untuk Bekerja Sendiri*, Kertas Kerja Seminar IKIM.

Doman, Glen (1997). *How to Multiply Your Baby's Intelligence*. Kuala Lumpur.

Harlina Halizah Hj. Siraj (Dr.) (2003). *Peranan Wanita Era Globalisasi*. Kuala Lumpur.

_____ 2004. *Keibubapaan Dalam Islam*. Kertas Kerja Seminar IKIM.

Hasan al Banna (2003). *Himpunan Risalah Imam Hasan al Banna*. (terj.) Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

Kamus Dewan. Edisi Baru (1993). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Mohd Fadzilah Hj. Kamsah. Dato' (2004). *Keibubapaan: Perspektif Seorang Bapa*. Kertas Kerja Seminar IKIM.

Mustafa Sibai (1986). *Wanita Menurut Syariat Islam dan Peradaban Moden*. (terj.) Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

Sharifah Zahrah Syed Mohamad, Prof. Madya Maznah bt Daud, Prof. Madya Dr. Yaacob Yusof (2003). *Kajian Mengenai Wanita Dan Kerjaya – Pertembungan di Antara Kerjaya dan Rumahtangga: Satu Analisis di Lembah Kelang*. UiTM, Shah Alam.

Sidek Baba (2004). *Keibubapaan Dalam Islam*. Kertas Kerja Seminar IKIM.

Umar Hasyim (1987). *Cara Mendidik Anak Dalam Islam*. Singapura: Pustaka Nasional.

Zakiah Omar (1999). *Kualiti Menurut Perspektif Islam*. JAKIM. Kuala Lumpur.

<http://parentcenter.com>

<http://islamic-world.net/parenting>

<http://globalization.org>

NURHIDAYAH MUHD HASHIM & SYARIFAH ZAHRAH SYED MOHAMAD, Pensyarah CITU, UiTM Shah Alam